

Pembangking pun sokong GST, kata PM
Malaysian Insider
Oct 23, 2015
Oleh Diyana Ibrahim

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini mempertahankan keputusan Putrajaya melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) semasa pembentangan Bajet 2016 hari ini, mengatakan pihak pembangking juga turut menyokongnya.

Najib berkata, meskipun GST bukanlah keputusan popular, ia adalah tindakan betul demi untuk ekonomi Malaysia.

"Malah pihak sebelah sana yang menentang keras kini terima GST, terima kasih kepada pembangking kerana anda faham," kata beliau sambil memegang buku Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan.

"Kerajaan bertanggungjawab akan melakukan keputusan betul walupun tidak popular," katanya ketika pembentangan Bajet 2016 di Parlimen di Kuala Lumpur hari ini. – 23 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pembangking-pun-sokong-gst-kata-pm>